

Sinonim 2022-2025

2025 Seri Alam

1. Pembantu rumah itu mengasingkan <u>sisa</u> makanan dengan sampah sebelum membuangnya ke dalam tong sampah.	
2. Hazwan sering <u>terkenang</u> oleh adiknya yang tinggal di asrama.	
3. Bilik pengantin itu <u>semerbak</u> dengan bau bunga-bunga.	
4. Encik Hamidi mengemukakan pendapatnya dengan suara yang <u>lantang</u> dalam mesyuarat itu.	

2025 Kulai

5. Murid-murid hendaklah mematuhi <u>undang-undang</u> yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.	
6. "Kereta BMW itu <u>kepunyaan</u> pengurus syarikat itu,"kata Dang Suria kepada rakan-rakannya	
7. Cik Julia sanggup mengambil <u>risiko</u> untuk meneruskan perniagaan secara dalam talian walaupun pernah kerugian.	
8. Pekerja yang sedang <u>memperbesar</u> rumah kami itu dari negara jiran.	

2025 Johor Bahru

9. Beberapa orang perompak itu telah <u>diberkas</u> oleh pihak polis di persimpangan jalan raya itu.	
10. Lelaki yang sedang melukiskan adik gambar itu pelukis <u>tersohor</u> .	
11. Pakaian yang masih <u>lembap</u> di jemuran itu perlu dicuci semula kerana kena air hujan.	
12. Ibu bapa <u>mendorong</u> anak-anak mereka untuk menyertai aktiviti gotong-royong di Desa Impian.	

2024 Seri Alam

13. Encik Liew seorang jiran yang baik kerana selalu menolong orang yang dalam <u>kesusahan</u> .	
14. Encik Ahmad berjalan-jalan bersama dengan keluarganya sambil menghirup udara yang <u>nyaman</u> di Taman Mewah.	
15. Peter <u>mengajak</u> saya ke rumahnya sempena majlis hari jadinya sambil kami sekumpulan kawan baik bermain catur.	
16. Kanak-kanak Tadika ABC itu kelihatan <u>ceria</u> semasa mengambil gambar sempena hari majlis penyampaian hadiah sekolah.	

2024 Kulai

17. Lori yang <u>sarat</u> dengan muatan itu telah ditahan polis.	
18. Perahu itu <u>karam</u> akibat hujan rebut.	
19. Tiang lampu itu <u>condong</u> setelah dilanggar kereta.	
20. Kemalangan itu berlaku akibat <u>kecuaiannya</u> .	

2024 Johor Bahru

21. Pelbagai <u>acara</u> diadakan di sekolah sempena menyambut hari kebangsaan.	
22. Farid melibatkan diri secara <u>aktif</u> dalam bidang sukan.	
23. Nasihat orang tua hams kita jadikan <u>pedoman</u> .	
24. Mereka berenang di sungai yang <u>cetek</u> .	

2023 Seri Alam

25. Mereka berdua berkawan <u>rapat</u> sejak kecil.	
26. Makanan yang dijual oleh Cik Yati di pasar malam itu sangat <u>laris</u> .	
27. Cik Munah pergi ke <u>bandar</u> dengan menaiki kereta.	
28. Banyak <u>hal</u> yang berlaku sejak ketiadaannya di syarikat itu.	

2023 Kulai

29. Pengetahuan Mei Ling dalam bidang komputer masih <u>dangkal</u> .	
30. Kain jarang itu tidak <u>padan</u> untuk dibuat baju kurung.	
31. Cuaca di Tanah Tinggi Cameron agak <u>sejuk</u> .	
32. Tuan Puteri Laila sedang <u>bersiram</u> dengan ditemani oleh para dayang.	

2023 Johor Bahru

33. Adik <u>gerun</u> melihat seekor harimau yang garang muncul di skrin televisyen itu.	
34. Adik <u>hitung</u> wang simpanannya di dalam tabung.	
35. Sudah sekian lama dia mencari ibu kandungnya, namun belum <u>berjumpa</u> .	
36. Ahmad tidak dapat tidur dengan <u>lena</u> semalaman.	

2022 Seri Alam

37. Baju atok <u>lencun</u> kerana hujan lebat.	
38. Pemuda itu berfikiran <u>cetek</u> kerana kurang membaca.	

2022 Kulai

39. Pengguna jalan raya yang tidak <u>akur</u> akan peraturan jalan raya perlu dikenakan tindakan.	
40. Persekitaran Tanah Tinggi Cameron sungguh <u>indah</u> dan menarik perhatian para pengunjung.	

2022 Johor Bahru

41. Cheng Wu berasa bimbang kerana banjir kilat <u>sering</u> berlaku di kampung mereka.	
42. Pak Ali berasa bangga kerana jualan makanannya sangat <u>laris</u> .	